

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 20.5.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan supaya sekolah luar bandar serta pedalaman tidak terpinggir dan tercicir daripada pemberian prasarana dan infrastruktur di sekolah memandangkan kebanyakan kemudahan disediakan kepada sekolah di bandar dan sekolah pintar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyasarkan semua sekolah memenuhi keperluan infrastruktur asas tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis sekolah. Keperluan mencapai infrastruktur minimum ini sangat penting bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih dan kondusif. Perancangan infrastruktur mengambil kira semua sekolah termasuk sekolah di luar Bandar. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan memantau segala keperluan di peringkat sekolah dan memajukan data ke peringkat Kementerian untuk dimasukkan ke dalam perancangan dan untuk tujuan pengagihan peruntukan. Sistem EMIS (*Education Management Information System*) yang diguna pakai di peringkat sekolah untuk memantau tahap infrastruktur di sekolah akan juga

diperkasakan dan digunakan sebagai pusat rujukan utama untuk memantau Infrastruktur di sekolah mulai tahun 2016.

Dari aspek perolehan, KPM sentiasa memastikan pelaksanaan dijalankan mengikut perancangan perolehan yang dikemukakan oleh agensi pengguna dengan sewajarnya. Perancangan perolehan yang diterima daripada agensi pengguna tidak hanya meliputi kawasan Bandar dan sekolah pintar sahaja, malah turut juga dilaksanakan untuk kemudahan sekolah-sekolah yang berada di dalam kawasan luar Bandar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah secara berperingkat berdasarkan kedudukan peruntukan semasa yang diterima dan tahap keperluan. Sebagai contoh, pembekalan perabot di bawah Inisiatif 'Touch Point Menteri-Satu Kerusi Satu Meja Murid' bagi pelajar baharu yang memasuki tahun 1 dan tingkatan 1 sentiasa dipastikan dapat disampaikan kepada semua sekolah yang memerlukan sama ada dalam kawasan bandar mahupun luar bandar menerusi siri mesyuarat berkala dan pemantauan secara dekat oleh urus setia pelaksana.

Bagi amaun perolehan tertentu, agensi pengguna yang bertaraf Pusat Tanggungjawab (PTJ) juga telah diwakilkan kuasa untuk membuat perolehan sendiri bagi memastikan prasarana dan infrastruktur yang diperlukan disediakan sewajarnya. Pengurusan dan pelaksanaan berkaitan keperluan naik taraf sekolah telah dipantau secara terbaik oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan diberikan pertimbangan sewajarnya oleh pihak PPD yang menjadi wakil KPM di peringkat daerah. Pihak sekolah perlu mengikuti saluran yang betul bagi mengemukakan permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh KPM.

RJM18

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK ROZMAN BIN ISLI**  
**[LABUAN]**  
**TARIKH** : **20 MEI 2015 [RABU]**  
**SOALAN** : **51**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju menjadikan Labuan sebagai Pusat Kajian Astronomi Antarabangsa dengan balai cerap dan sebagainya memandangkan ia sering mencatatkan kekurangan yang tertinggi di negara ini dari segi “kenampakan anak bulan”.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, balai cerap ialah satu kemudahan untuk mencerap (*observe*) objek angkasa seperti bintang, planet, bulan dan pelbagai objek astronomi. Keperluan asas sesebuah balai cerap merangkumi teleskop optik, penjejak (*mounting*), kubah dan kamera astronomi (*Charge Couple Device*). Secara umumnya, balai cerap boleh dikategorikan kepada dua iaitu balai cerap bagi tujuan pendidikan dan balai cerap khusus untuk penyelidikan, operasi pencerapan anak bulan, pemantauan aktiviti matahari serta penjejakan asteroid.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negara telah mempunyai balai cerap yang dinamakan Observatori Negara Langkawi yang terletak di Pulau Langkawi. Balai cerap ini telah dilengkapi dengan fasiliti yang canggih dengan teknologi terkini untuk tujuan pencerapan, penyelidikan dan operasi khusus seperti pemantauan aktiviti Matahari dan objek dekat Bumi seperti asteroid dan komet. Buat masa ini, Kementerian berpendapat bahawa Observatori Negara Langkawi boleh melaksanakan fungsi pencerapan dan penyelidikan untuk kegunaan negara. Sehubungan itu, Kementerian tidak bercadang untuk membina balai cerap yang lain dalam masa terdekat ini.

Sekian, terima kasih.